

**LAPORAN INOVASI BERIMPAK TINGGI  
JABATAN/ AGENSI NEGERI KELANTAN  
BAGI BANK INOVASI SEKTOR AWAM  
(BISA)**

TAJUK INOVASI : eBANJIR  
NAMA JABATAN : PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI KELANTAN

---

## 1. PENGENALAN/ LATAR BELAKANG JABATAN

### 1.1. TARIKH PENUBUHAN

Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) Kelantan asalnya dikenali sebagai Pejabat Kemajuan Negeri Kelantan. Pada tahun 1991, Pejabat Kemajuan Negeri Kelantan telah digantikan dengan Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan Pembangunan Negeri Kelantan ekoran tertubuhnya Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan yang telah mengambil alih sebahagian besar tugas Pejabat Kemajuan Negeri. Pada tahun 1994, Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan Pembangunan Negeri diberi nama baru, iaitu Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan.

### 1.2. PERKHIDMATAN UTAMA/ TERAS

- 1.2.1. Mengawal dan mengagihkan peruntukan program dan projek pembangunan negeri kepada wakil rakyat dan Pejabat Tanah dan Jajahan (PTJ)
- 1.2.2. Merancang, menyelaras dan melaksanakan projek-projek pembangunan kecil secara langsung dan tidak langsung melalui PTJ.
- 1.2.3. Memastikan program dan projek pembangunan negeri dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan selari dengan dasar Kerajaan Negeri.
- 1.2.4. Menyelaras peruntukan dan pelaksanaan projek-projek kecil pembangunan dengan Jabatan/ Agensi Negeri dan Persekutuan.

## 2. INOVASI

### 2.1. PENGENALAN/ LATAR BELAKANG PROJEK INOVASI

- 2.1.1. Sistem eBanjir merupakan satu program yang dibangunkan hasil daripada inisiatif Pejabat Pembangunan Negeri selaku Urusetia bagi Pusat Kawalan Operasi Banjir (PKOB) Negeri Kelantan untuk memudahkan pengurusan maklumat dan operasi banjir negeri.

2.1.2. Sistem ini menggunakan konsep data berpusat di mana PKOB Negeri akan menjadi penyelaras kepada maklumat-maklumat yang dibekalkan oleh semua PKOB Jajahan/ Agensi di seluruh Negeri Kelantan.

## **2.2. OBJEKTIF**

2.2.1. Untuk mengatasi masalah perbezaan maklumat yang sering terjadi semasa menggunakan cara manual.

2.2.2. Untuk mempercepatkan penghantaran, pemprosesan maklumat berkaitan dengan banjir seperti taburan hujan, bilangan mangsa pemindahan dan bilangan kematian semasa.

2.2.3. Untuk mengelakkan perbezaan/ ralat terhadap laporan yang dijana oleh PKOB masing-masing.

2.2.4. Untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian kepada orang ramai terhadap keadaan banjir semasa.


2.2.5. Mengurangkan perbelanjaan dalam menguruskan maklumat serta operasi di PKOB seperti penggunaan mesin faks dan talian 'Hotline', elaun petugas, persegaran, kos pengangkutan dan lain-lain.

2.2.6. Meluaskan penyampaian maklumat kepada orang ramai.

2.2.7. Selaras dengan saranan daripada YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negeri (KSN) untuk meningkatkan tahap 'delivery system'.

## 2.3. PROSES KERJA

### 2.3.1. Proses Kerja Manual (Sebelum)



### 2.3.2. Penyataan masalah:

- Proses mendapatkan data untuk dilaporkan setiap 1 jam sekali sukar ditepati
- Pertindihan maklumat yang dijana oleh pegawai bilik gerakan.
- Penyampaian maklumat kepada orang ramai juga tidak tepat kerana keadaan banjir semasa berubah dengan pantas dan tidak statik.
- Memaklumkan bilangan petugas yang ramai sekaligus meningkatkan perbelanjaan pengurusan dan operasi terutamanya dari segi persegaran, elaun lebih masa, bil telefon dan talian faks dan lain - lain.

### 2.3.3. Proses Kerja eBanjir (Selepas)

Setiap PKOB yang terlibat memasukkan dan mengemaskini data setiap satu jam sekali atau bila-bila masa sekiranya terdapat perubahan




PKOB Negeri dan Semua pihak boleh mendapatkan maklumat terkini melalui Portal eBANJIR

## 2.4 PROSES KRONOLOGI

2.4.1 Kronologi pembangunan Sistem eBanjir adalah sebagaimana di bawah:

### KRONOLOGI PEMBANGUNAN SISTEM EBANJIR



## **2.5. IMPAK INOVASI/ FAEDAH PROJEK**

- 2.5.1. Pengumpulan maklumat secara berpusat, cepat dan tepat.
- 2.5.2. Setiap PKOB mempunyai focus dan bertanggungjawab terhadap data-data yang dikeluarkan.
- 2.5.3. Penyebaran maklumat lebih meluas dan boleh diakses pada bila-bila masa sahaja.
- 2.5.4. Jumlah petugas dapat dikurangkan sebanyak separuh daripada jumlah petugas yang lepas-lepas.
- 2.5.5. Mengurangkan kos belanja mengurus (elaun petugas, persegaran, kos pengangkutan, ink printer, kertas dan lain-lain).
- 2.5.6. Pelaporan yang pelbagai dan menyeluruh.
- 2.5.7. Mewujudkan system rekod yang efisien.
- 2.5.8. Mesra pengguna

## **2.6. IMPLIKASI KEWANGAN**

Kos projek terlibat adalah sebanyak RM34,000.00 melibatkan komponen berikut:

- 2.6.1. Pembangunan portal dan laman admin Sistem ebanjir
- 2.6.2. Maintenance dan Latihan untuk setahun

## **3. PENUTUP**

Sistem eBanjir yang dihasilkan melalui gabungan kepakaran teknologi dan modal insan dijangka dapat membantu Kerajaan dalam mengurus data-data banjir dengan lebih tepat dan cepat. Sistem ini dijangka akan menjadi aset bernilai Kerajaan dalam memenuhi slogan 'Pengurusan Cemerlang' di samping dapat mencapai objektif dan memberi manfaat kepada semua pihak.